

08 AUG 2003

CERAMAH MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA-AS DI BAWAH PENTADBIRAN BUSH

KUCHING, 8 Ogos (Bernama) -- Ceramah mengenai hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Presiden George W. Bush yang akan menyentuh tiga aspek penting akan diadakan di Sarawak bagi meningkatkan lagi pemahaman mengenai kedua-dua negara.

Institut Pembangunan Sarawak (SDI) menyatakan ceramah itu akan disampaikan oleh pensyarah Universiti Georgetown Dr Pamela Sodhy dan akan menyentuh mengenai tiga aspek hubungan dua hala iaitu politik, keselamatan dan ekonomi.

"Ceramah itu akan meliputi tempoh dari Januari 2001 hingga sekarang yang menjangkau pentadbiran George W. Bush, presiden ke-43 dan tahun-tahun terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri Malaysia," menurutnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ceramah itu, yang dianjurkan oleh SDI, adalah percuma. Mereka yang berminat menyertainya perlu mendaftar. Bagi maklumat lanjut sila hubungi Rosalind Wong di talian 082-415484/416484 atau e-mel [sdi@po.jaring.my](mailto:sdi@po.jaring.my). atau layari homepage SDI di <http://www.sdi.com.my>.

Menurut SDI, ceramah itu akan diadakan pada 13 Ogos di Paras Dua Dewan Persidangan, Wisma Bapa Malaysia dari 12.30 tengah hari hingga 1.30 tengah hari.

-- BERNAMA

RDY RHM